

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : ISU

Sesi intervensi bantu pelajar berhenti merokok

[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/BH]



Chee Leong (kiri) dan Mohd Shafiq ketika melawat pameran pada Majlis Perasmian Konvensyen KOTAK di MITC, Ayer Keroh, semalam.

Ayer Keroh: Sebanyak 19,954 pelajar sekolah menengah dan 572 murid di negara ini menjalani sesi intervensi lanjutan sepanjang 2018 bagi membantu mereka berhenti merokok menerusi Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK).

Menyertai sesi intervensi, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad berkata, menerusi sesi intervensi lanjutan itu, murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah akan menetapkan tarikh untuk mereka berhenti merokok secara sukarela.

Katanya, sesi intervensi itu dilakukan guru kaunselor sekolah meliputi dua aspek, iaitu persekitaran bebas daripada asap rokok dan bantuan kepada perokok untuk berhenti merokok.

Impak program

"Data pada tahun lepas menunjukkan 86.3 peratus perokok semasa di sekolah rendah, dan 84 peratus di sekolah menengah menjalani sesi intervensi ini.

"Justeru, menyedari besarnya

impak program ini, usaha bersama terus dilakukan seperti program IMFree, KOTAK dan mQuit.

"Selari usaha itu juga, kementerian turut melancarkan mQuit Sekolah, kesinambungan kepada program mQuit sedia ada (di ins-

titut pengajian tinggi) yang mengintegrasikan semua program pencegahan dan intervensi merokok di sekolah," katanya pada Majlis Perasmian Konvensyen KOTAK 2019 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, semalam.

Tiga kali sesi intervensi

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Datuk Mohd Shafiq Abdullah pada majlis yang dirasmikan Exco Kesihatan dan Anti Dadah Melaka, Low Chee Leong.

Dr Dzulkefly berkata, pencapaian indeks prestasi utama (KPI) sebanyak 55.5 peratus murid yang dikenal pasti sebagai perokok semasa selepas menjalani kurangnya tiga kali sesi intervensi lanjutan dan ia melebihi sasaran ditetapkan, iaitu 51 peratus.

"Saya pasti inisiatif ini dapat membantu membudayakan amalan tidak merokok, sekali gus membantu usaha kerajaan mencapai negara bebas merokok," katanya.

Fakta nombor

19,954 PELAJAR

sekolah menengah jalani sesi intervensi

572 MURID

sekolah rendah jalani sesi intervensi

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : ISU

Simpton sama tragedi pencemaran Sungai Kim Kim

Gas organik mungkin punca mangsa sesak nafas: Dr Dzulkefly

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Nurul Amanina Suhaimi
 bhnnews@bh.com.my

► Putrajaya

Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan kejadian sesak nafas dan muntah oleh 27 orang yang dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, semalam, seakan-akan sama dengan simptom kesan pencemaran dari Sungai Kim Kim, sebelum ini.

Sehingga jam 8 malam tadi, daripada seramai 27 orang itu, 17 terdiri murid Sekolah Agama Taman Mawar dan seorang pekerja kantinnya, manakala sembilan lagi murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Gudang 4.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya baru dimaklumkan mengenai

kejadian berkenaan dan akan berhubung dengan Pengarah Kesihatan Negeri Johor bagi mengetahui situasi semasa.

Pencemaran gas organik

"Berdasarkan maklumat awal daripada simptom dialami murid seperti muntah dan sesak nafas, kemungkinan besar berpunca daripada pencemaran gas organik, sama seperti kes Sungai Kim Kim," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ditanya sama ada Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan arahan kepada sekolah berkenaan ditutup, beliau berkata ia masih terlalu awal untuk membuat keputusan.

"Setakat ini keadaan masih terkawal, apapun kita akan pantau dan lihat situasi ini bagi mendapatkan maklumat lanjut, termasuk mementukan punca dan tahap

KES PENCEMARAN UDARA DI PASIR GUDANG, JOHOR



pencemaran udara yang berlaku," katanya.

Sementara itu, di Pasir Gudang, Pengerusi Jawatankuasa, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar, berkata pihak berkuasa masih menyiasat lanjut punca murid di kedua-dua sekolah itu mengalami simptom sesak nafas dan muntah.

"Pihak berkuasa seperti Unit Bahar Berbahaya (HAZMAT) bomba, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia akan menyiasat lebih lanjut bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian itu.

"Selain itu, murid yang terjejas

juga akan menjalani ujian darah bagi mengetahui apa sebenarnya yang berlaku," katanya pada sidang media di Sekolah Agama Taman Mawar, semalam.

Insiden terkawal

Mengulas lanjut, Mohd Khuzzan berkata, insiden itu terkawal dan penduduk tidak perlu panik kerana keadaan kali ini berbeza dengan tragedi pencemaran toksik Sungai Kim Kim awal Mac lalu.

"Sehingga kini, tidak ada keperluan untuk membuka bilik gerakan, namun pemantauan berturut-turut akan dijalankan mulai ma-

lam ini sehingga Sabtu ini," katanya.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Tosrin Jarvanith, yang turut meninjau keadaan Sekolah Agama Taman Mawar, berkata ber kata Majlis Agama Islam Negeri Johor akan memberi bantuan segera kepada mangsa yang terjejas.

"Mangsa yang dirawat di hospital akan menerima bantuan RM400 setiap seorang, manakala mangsa yang terjejas tetapi tidak dimasukkan ke hospital akan menerima RM200," katanya.

DEEN GRAFIK BH

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : SETEMPAT

A | 21

RACUN MALANG KEMBALI

■ Simptom sesak nafas, muntah 15 murid sama seperti kesan pencemaran Kim-Kim

Ibrahim Isa,
Mohd Sabran Md Sari, Mohd
Husni Mohd Noor dan
Nurul Amanina Suhaini
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan simptom sesak nafas dan muntah yang dialami 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar di Pasir Gudang, Johor sama dengan simptom kesan pencemaran Sungai Kim Kim sebelum ini. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly berkata, pihaknya sedang memantau rapi perkembangan kes berkenaan termasuk akan berhubung rapat dengan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi mengetahui situasi semasa.

"Maklumat awal yang kami peroleh mendapati simptom dialami murid itu kemungkinan besar berpunca daripada pencemaran gas organik, sama seperti kes Sungai Kim Kim," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Ditanya sama ada kementerian akan mengeluarkan arahan kepada sekolah berkenaan ditutup, beliau berkata, ia masih terlalu awal untuk membuat keputusan.

"Setakat ini situasi masih terkawal, kita akan pantau dan lihat situasi ini bagi mendapatkan maklumat lanjut termasuk menentukan punca dan tahap pencemaran udara yang berlaku," katanya.

Seramai 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar di sini, semalam mengalami simptom sesak nafas dan muntah dengan lima daripada mereka diantar ke hospital dipercayai akibat pencemaran udara.

HARIAN METRO

IBU bapa menjemput anak mereka di Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 4 selepas menerima panggilan daripada sekolah anak mereka mengalami sesak nafas dan sakit kepala.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : SETEMPAT

Simptom sama Kim Kim

MURID SA Taman Mawar Pasir Gudang menerima rawatan selepas terhadu gas bocor.



PASUKAN keselamatan, bomba dan pegawai perubatan berada di SA Taman Mawar Pasir Gudang selepas menerima laporan kebocoran gas.



Kementerian Kesihatan pantau rapi perkembangan kes

Putrajaya

Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan simptom sesak nafas dan muntah yang dialami 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar di Pasir Gudang, Johor sama dengan simptom kesan pencemaran Sungai Kim Kim sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya memantau rapi perkembangan kes berkenaan termasuk akan berhubung rapat dengan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor

bagi mengetahui situasi semasa.

“Maklumat awal yang kami peroleh mendapat simptom dialami murid itu kemungkinan besar berpunca dari pencemaran gas organik, sama seperti kes Sungai Kim Kim,” katanya di sini, semalam.

Ditanya sama ada

kementerian akan mengeluarkan arahan kepada sekolah berkenaan ditutup, beliau berkata, ia masih terlalu awal untuk membuat keputusan.

“Setakat ini situasi masih terkawal, kita akan pantau dan lihat

situasi ini bagi mendapatkan maklumat lanjut termasuk menentukan punca dan tahap pencemaran udara yang berlaku,” katanya.

“

Maklumat awal yang kami peroleh mendapat simptom dialami murid itu kemungkinan besar berpunca dari pencemaran gas organik, sama seperti kes Sungai Kim Kim”

Dr Dzulkefly Ahmad



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : SETEMPAT

Putrajaya

Keputusan diketahui tak lama lagi

Keputusan proses bedah siasat terhadap 12 mayat Orang Asli suku Batek dari Kampung Kuala Koh, Gua Musang akan diketahui dalam masa dua atau tiga hari lagi.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, proses bedah siasat bagi 12 mayat berkenaan sudah selesai tetapi keputusan dan analisa makmal bagi mengesan punca kematian mangsa belum diketahui lagi.

"Bedah siasat terhadap mayat tersebut selesai dijalankan dan sampel telah dihantar ke makmal untuk ujian lanjut.

"Ujian sedang dijalankan bagi mengetahui punca sebenar kematian," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, enam-kes lagi disahkan positif measles (demam campak) melalui ujian makmal dan menjadikan jumlah 43 kes disahkan di makmal sehingga 18 Jun lalu.

Beliau sebelum ini memaklumkan seramai 37 daripada 112 pesakit Orang Asli Suku Batek di

Kampung Kuala Koh yang diselubungi penyakit misteri disahkan menghidap wabak demam campak menerusi ujian makmal terhadap 170 penduduk.

Dzulkefly juga memaklumkan, mesyuarat Kabinet semalam turut membincangkan situasi terkini jangkitan pernafasan yang berlaku dalam kalangan Orang Asli berkenaan.

Menurutnya, Jemaah Menteri juga dimaklumkan berhubung langkah diambil Kementerian Kesihatan termasuklah imunisasi dan diagnosis wabak measles di kawalan terbabit.

"Situasi wabak itu masih berada dalam keadaan terkawal dengan langkah sewajarnya sedang dibuat dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Selalunya wabak ini ada musimnya dan kita tidak tahu apa punca utama wabak ini, mungkin ia ada orang yang keluar dan masuk," katanya.

FAKTA
Tunggu keputusan analisis makmal terhadap 12 mangsa

AKHBAR : KOSMO**MUKA SURAT : 6****RUANGAN : NEGARA**

Simptom seperti kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim



PUTRAJAYA - Kejadian sesak nafas dan muntah yang dialami 20 orang murid dan dua kakitangan Sekolah Agama Taman Mawar dan Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 4 di Pasir Gudang, Johor semalam seakan sama dengan simptom yang berlaku kepada pesakit yang terkesan akibat pencemaran Sungai Kim Kim.

Menyatakan perkara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad (**gambar**) berkata, pihak kementerian telah dimaklumkan mengenai kejadian tersebut dan akan menghubungi Pengarah Kesihatan Johor untuk mengetahui situasi semasa kejadian tersebut.

Jelasnya, maklumat awal kes tersebut mendapat murid-murid me-

ngalami simptom seperti muntah dan sesak nafas.

"Kejadian itu berkemungkinan besar berpunca daripada pencemaran gas organik sama seperti kes yang berlaku di Sungai Kim Kim pada Mac lalu."

"Setakat ini situasi masih terkawal dan kita akan pantau situasi di situ bagi mendapatkan bacaan tahap pencema-

ran udara selain maklumat lanjut mengenai punca kejadian," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu katanya, masih terlalu awal untuk membuat keputusan sama ada pihak kementerian akan mengeluarkan arahan kepada sekolah berkenaan untuk ditutup ekoran kes tersebut.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEGARA

Lebih 20,000 pelajar sekolah jalani sesi berhenti merokok

MELAKA – Sebanyak 19,954 pelajar sekolah menengah dan 572 murid sekolah rendah di negara ini telah menjalani sesi intervensi lanjutan bagi membantu mereka berhenti merokok menerusi Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (Kotak).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, menerusi sesi intervensi lanjutan itu, kesemua peserta akan menetapkan tarikh untuk mereka berhenti merokok secara sukarela.

“Data pada 2018 menunjukkan 86.3 peratus perokok semasa di sekolah rendah dan 84 peratus di sekolah menengah telah menjalani sesi intervensi ini,” katanya.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd. Shafiq Abdullah pada Majlis Perasmian Konvensyen Kotak 2019 di sini semalam.

Menurut Dzulkefly, Kotak dipilih sebagai salah satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian, Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) di seluruh negara.

Katanya, pencapaian KPI adalah sebanyak 55.5 peratus murid sekolah yang dikenal pasti sebagai perokok semasa telah menjalani sekurang-kurangnya tiga kali sesi intervensi lanjutan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG

Sedia terima suntikan vaksin



Penduduk orang asli akan bersedia mendapatkan suntikan vaksin.

GUA MUSANG - Penduduk orang asli Bateq dari Kampung Kuala Koh, Pos Lebir di sini sedia menerima suntikan vaksin berikutan kematian 15 penduduk disahkan akibat demam campak.

Penghulu Kampung Aring 5, Raina Anjang berbantah, penduduk akan memberikan kerjasama kepada agensi kesihatan untuk mendapatkan vaksin.

"Kita sudah maklumkan kepada penduduk mengenai suntikan vaksin dan tiada masalah untuk mereka memberikan kerjasama.



RAINIA

"Kematian 15 penduduk baru-baru ini memberi kesan dan pengajaran buat mereka. Ada yang trauma dan takut berdepan situasi seperti itu," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, Jabatan Kesihatan Kelantan mengarahkan suntikan vaksin secara menyeluruh diberikan kepada penduduk orang asli Bateq bermula minggu ini.

Pengaruhnya, Dr Zaini Hussin berkata, ia bagi menekang penularan wabak measles atau demam campak yang melanda sejak sebulan lalu.

Selain suku kaum terabit, katanya, penduduk sekitar yang berada di kampung berkenaan juga tidak terkecuali daripada diberikan vaksin sama.

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 10****RUANGAN : KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG**

Dua mangsa terbaru wabak demam campak

KOTA BHARU - Seorang wanita dan seorang kanak-kanan perempuan orang asli Bateq Kuala Koh, Gua Musang menjadi mangsa terbaru dijangkiti wabak measles atau demam campak kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr Zaini Hussin berkata, wanita berusia 26 tahun dan kanak-kanak berusia 11 tahun itu dimasukkan ke Hospital Kuala Krai di sini kerana menunjukkan simptom sama seperti pesakit lain.

"Dua mangsa terbaru itu dikesan semalam (kelmarin) sebelum dibawa ke Hospital Kuala Krai untuk rawatan lanjut.

"Dengan pertambahan dua mangsa sehingga jam 12 tengah malam pada 19 Jun lalu, ia menjadikan jumlah kes meningkat daripada 113 kepada 115 kes (kelmarin)," katanya di sini semalam.

Dr Zaini berkata, setakat semalam seramai 47 pesakit dirawat di wad termasuk dua daripadanya di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Kuala Krai.

"Kes di Rumah Inap Komuniti Asli (Rika) pula seramai 12 orang, di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Etnobotani seramai 14 orang, manakala satu kes di Sekolah Kebangsaan Pasir Linggi," katanya.

**DR ZAINI**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Simptom seakan kes Sungai Kim Kim - Dzulkefly

PUTRAJAYA 20 Jun - Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan kejadian sesak nafas dan muntah dialami 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar di Pasir Gudang, Johor hari ini adalah simptom yang sama akibat kesan pencemaran Sungai Kim Kim sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya baharu dimaklumkan mengenai kejadian berkenaan dan akan berhubung dengan Pengarah Kesihatan Negeri bagi mengetahui situasi semasa.

"Berdasarkan maklumat awal daripada simptom dialami murid seperti muntah dan sesak nafas, kemungkinan besar berpunca daripada

pencemaran gas organik, sama seperti kes Sungai Kim Kim," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ditanya sama ada kementerian akan mengeluarkan arahan kepada sekolah berkenaan ditutup, beliau berkata, ia masih terlalu awal untuk membuat keputusan.

"Setakat ini situasi masih terkawal, apapun kita akan pantau dan lihat situasi ini bagi mendapatkan maklumat lanjut, termasuk menentukan punca dan tahap pencemaran udara yang berlaku," katanya.

Pada Mac lalu, lebih 5,000 penduduk daerah ini terjejas ekoran berlaku kejadian pencemaran sisa toksik di Sungai Kim Kim sehingga memaksa 111 buah sekolah di daerah ini ditutup.



DZULKEFLY AHMAD

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

ALLEGATIONS

PROBE INTO NURSES' TREATMENT OF ORANG ASLI

Tok Batin had claimed Bateq people are treated 'only slightly better than animals'

AZURA ABAS
AND VEENA BABUL
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry has pledged to look into allegations that its nurses had treated members of the Orang Asli Bateq tribe in Gua Musang, Kelantan, with disdain during their community health visits.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the allegations that the nurses had "heckled" tribe members and "made faces" at them would be fully investigated.

"This is a very serious claim. We want to take responsibility and take it very seriously."

"It (the allegations) must be checked. For now, it is still an allegation that must be looked into," he said in response to the

New Straits Times front-page report on Thursday.

The NST had quoted Pos Aring 5 Tok Batin Raini Anjang as claiming that the reason why the Bateq people did not trust the authorities was because they were treated "only slightly better than animals".

Raini had also claimed that nurses from the state Health Department "made faces and heckled" tribe members during their health visits, which led to the Orang Asli distrusting the authorities. This, claimed Raini, led to the low immunisation and vaccination rates among the Bateq.

A number of Orang Asli from the Bateq tribe had died following a measles outbreak in the community.

On why health authorities failed to detect the measles virus when they went to the Kampung Kuala Koh Orang Asli settlement in May for their monthly visit, Dr Dzulkefly said there was no indication of a spike in fever cases.

"We have gone through our records at the Aring Health Clinic and the Kampung Kuala Koh mobile clinic records. There was no spike in outpatient case trends."

He also confirmed that there were six more measles cases de-



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) at a press conference on the Kuala Koh Orang Asli Bateq tribe in Putrajaya yesterday. With him is Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (left). PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

tected, which brings it to 43 confirmed cases out of 113 reported cases involving the Bateq tribe.

He also said there had been no new fatalities and that things were under control.

Dr Dzulkefly said the post-mortem on the 12 bodies taken from Kampung Kuala Koh had been completed, and that laboratory results on the samples taken would be known within two to three days.

The Orang Asli Development Department (Jakoa) denied allegations by the Bateq tribe that the authorities, including the department, had not engaged tribe members adequately and with respect.

Kelantan and Terengganu Jakoa director Hashim Alang Abdul Hamid said the department's role was to ensure that the Orang Asli were engaged and treated with empathy.

"Our role is to make sure that they are treated with empathy and have access to their rights. No, we will not do such things. We

know how sensitive they are."

On claims that half the village was not vaccinated when it was the department's duty to ensure the people received it, Hashim said it was not easy dealing with the Bateq community.

"Some have a phobia of needles. We have a number of stragglers who we cannot register for births or identity cards even when we camp out there for one or two days because they are always moving around or are always in the jungle."

Hashim, however, did not address why the department did not go to the village to check on the sick between June 4 and 8.

The villagers claimed that the department had transported 30 of their sick to health facilities on June 3, but only returned after Hari Raya on June 9 when news of deaths caused by a mysterious disease went viral.

They further claimed that there were 15 to 20 people who displayed symptoms in the village, with some dying as a result.

Hashim declined to comment on the Health Ministry's alleged attitude towards the community, but maintained that the community was "sensitive".

He, however, said with the spread of the disease, the village had become ground zero and the Orang Asli were told to seek treatment or call the department if there were any symptoms of the contagious disease.

"We will transport them or place them in our shelter in Gua Musang, even though it is operating beyond capacity now."

"We will also do a post-mortem of the disaster with all agencies, including the Health Ministry when the outbreak is addressed."

"The Department of Environment will also test the water in the area," he said, referring to earlier claims that the Bateq's water source was contaminated.

He said that after the outbreak was addressed, Jakoa would work on providing clean water, vaccinations and in the long run, electricity to the community.